

## **DAKWAH DAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL IBU BAPA TERHADAP ANAK-ANAK**

Safinah Binti Ismail  
Muhammad Aufa Haziq Bin Nor Azman  
Muhammad Aiman Syakir Bin Aziz  
Mohamad Safarudin Bin Rahim

### **Abstrak**

Komunikasi interpersonal ibu bapa terhadap anak-anak penting bagi membentuk anak yang soleh dan berjaya dunia dan akhirat. Hal ini adalah salah satu dakwah yang perlu diaplikasikan oleh semua ibu bapa. Walau bagaimanapun, terdapat ibu bapa yang kurang menguasai ilmu keibu bapaan bahkan teknik komunikasi menyebabkan anak-anak terlibat dengan keruntuhan moral. Oleh itu, artikel ini akan membahaskan tentang komunikasi interpersonal ibu bapa, kepentingan dakwah dan komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan anak-anak, ciri-ciri komunikasi interpersonal dan peranan komunikasi interpersonal dalam dakwah serta aspek penting dakwah melalui komunikasi interpersonal. Metodologi kajian yang digunakan dalam artikel adalah metode kajian kepustakaan berdasarkan bahan-bahan penulisan yang berkaitan dengan dakwah dan komunikasi serta kekeluargaan. Justeru, bahan-bahan ini telah dianalisis secara deskriptif melalui buku-buku dan jurnal. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa komunikasi interpersonal juga boleh dijadikan sebagai alat dalam membantu mengeratkan perhubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memberi contoh yang positif kepada anak-anak sebagai model untuk mereka ikuti sama ada dari sudut bahasa, perlakuan atau penonjolan afektif. Antara ciri komunikasi adalah secara bersemuka, kedudukan jarak semasa berkomunikasi hendaklah rapat, berlaku secara *verbal* dan *non verbal*, bercakap benar, tepat ringkas dan bukan bercakap kepada perkara yang sia-sia. Di samping itu, aspek penting dakwah melalui komunikasi interpersonal adalah kebenaran, menunaikan perkara yang diperkatakan, gaya bahasa yang indah, kekerasan dan kelembutan dan keterbukaan. Diharapkan artikel ini dapat memberi ilmu berkenaan dakwah dan komunikasi interpersonal khususnya kepada ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak.

### **PENGENALAN**

Manusia yang berpegang kepada aqidah, sentiasa berasa betapa ajaibnya alam ciptaan Illahi. Kesemua makhluk yang bernyawa dapat mewujudkan jalinan komunikasi yang unik. Sekumpulan lebah atau semut dapat berinteraksi dengan cara mereka sendiri. Sebagai contoh, semut dapat berkomunikasi menggunakan sesungutnya, manakala lebah dapat berpindah dari satu tempat ke satu tempat secara berkelompok tanpa menghadapi masalah komunikasi. Begitu juga kehidupan manusia sama seperti makhluk yang lain, iaitu tidak terlepas daripada proses komunikasi. (Yaacob, 2001) Manusia ialah makhluk sosial yang suka berkomunikasi dengan orang lain. Interaksi antara sesama manusia merupakan suatu kesinambungan dan kelangsungan kepada aktiviti manusia

dalam kehidupannya. Ia mudah dilakukan kerana proses komunikasi yang berlaku tidak memerlukan suatu struktur yang formal dan teratur. Ia boleh berlaku di mana-mana sahaja selagi ruang dan peluang untuk berkomunikasi boleh dilaksanakan. Dalam konteks dakwah, pendakwah yang menggunakan pendekatan interpersonal ketika berkomunikasi dengan mad'u dapat merasakan proses komunikasi berjalan dengan lebih mudah dan berkesan. (Zulkefli Hj. Aini, 2016)

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Menurut Al Quran dan Sunnah, dakwah dapat dimaksudkan sebagai kegiatan mengajak, mendorong dan memotivasikan orang lain berdasarkan bashirah untuk menuju jalan kepada Allah dan istiqomah di jalanNya serta berjuang bersama meninggikan agama Allah. Dengan itu, dakwah ini dapat ditonjolkan melalui pelbagai cara dan antara kaedah dakwah yang berkesan adalah melalui komunikasi. Kehidupan manusia tidak dapat terlepas dari proses komunikasi. Hal ini disebabkan selain kerana manusia tercipta sebagai makhluk sosial yang sentiasa memerlukan orang lain dalam hidupnya, tetapi juga kerana melalui komunikasi peradaban manusia dapat berkembang hingga sampai saat ini. Dalam hal lain, komunikasi merupakan salah satu hal yang penting dan memainkan peranan yang besar bagi manusia di mana kegiatan berkomunikasi lebih dominan dilakukan daripada kegiatan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, keberkesanan komunikasi memberikan impak dalam menyampaikan sesuatu dakwah.

Komunikasi ialah proses bagaimana seseorang pendakwah, di mana dia berfungsi sebagai sumber komunikasi, berkongsi pengalaman dengan sasarannya, iaitu orang ataupun orang-orang yang menerima dakwahnya, dan begitu sebaliknya (Hassan, 2001). Interpersonal juga menjadi tumpuan terhadap kajian ini dimana interpersonal ini melibatkan komunikasi yang dilakukan secara langsung antara seseorang dengan orang lain, antara dua orang atau lebih bersesuaian dengan kajian ini melibatkan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak. Dalam hal ini, orang yang mempunyai peranan yang besar dan paling bertanggungjawab dalam pembentukan keperibadian anak-anak mereka adalah ibu bapa. Perkembangan anak-anak sekarang bukan sahaja dipengaruhi oleh komunikasi interpersonal antara ibu bapa nya di rumah bahkan interaksinya antara rakan-rakan di dalam dan luar sekolah. Tetapi tumpuan harus diberikan bagaimana ibu bapa mencorakkan anak-anak di rumah dengan tepat dan betul. Baik dan buruk tingkahlaku seorang anak itu bergantung kepada peranan ibu bapa dalam mendidik anak di rumah. Seperti contohnya, ibu bapa boleh komunikasi interpersonal dengan menasihati anaknya agar patuh dan sopan kepada orang yang lebih tua darinya, dan bagaimana cara menghargai orang yang lebih tua dari kita, dan sebagai ibu bapa harus memberi tahu kepada anak bahawa apa yang disampaikan adalah amalan yang baik. (Jellani, 2019)

## **PENYATAAN MASALAH**

Komunikasi yang baik merupakan satu cara dakwah yang boleh digunakan oleh ibu bapa terhadap anak-anak. Individu yang mahir berkomunikasi dengan individu yang lain mampu mewujudkan suasana baik dan positif dalam membina hubungan baik sesama manusia (Mustafa 2002). Begitu juga kajian Che Hasniza & Fatimah (2011) mendapati komunikasi dalam keluarga merupakan satu institusi sosial dan dapat menjelaskan tahap perhubungan antara ahli keluarga. Ia juga turut disokong oleh Barnes dan Olson (1985) yang menjelaskan komunikasi adalah proses membina penyesuaian dalam sebuah keluarga. Kajiannya mendapati apabila hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak berlangsung dengan baik, maka hubungan keluarga akan menjadi lancar dan memudahkan proses penyelesaian masalah jika berlaku sesuatu. Walau bagaimanapun, beberapa

isu yang timbul adalah disebabkan ibu bapa yang kurang menguasai ilmu keibu bapaan. Ia juga disebabkan teknik komunikasi yang digunakan kepada anak-anak kurang berkesan kerana perkataan dan bahasa yang digunakan oleh ibu bapa juga boleh menjadi penghalang dalam komunikasi (Jumali et al. 2012). Manakala kajian Mustafa (2014) mendapati kegagalan ibu bapa dalam keluarga menjadi punca utama yang menyumbang kepada keruntuhan moral, akhlak serta peribadi anak-anak.

Faktor anak dalam mempengaruhi hubungan keluarga agak terhad. Menurut Thorne (1987) personaliti bukan sahaja mempengaruhi cara seseorang itu bertindak, tetapi ia juga mempengaruhi orang lain. Masalah-masalah atau halangan yang terdapat di dalam komunikasi interpersonal dapat dikenal pasti melalui pakar dalam bidang komunikasi yang mempercayai bahawa komunikasi yang lemah merupakan punca kepada kebanyakan masalah dan komunikasi yang efektif adalah penyelesaian kepada kebanyakan masalah. Justeru itu, dengan memahami prinsip dan teori komunikasi yang baik dan menggabungkannya dalam praktikal boleh menyelesaikan permasalahan antara keluarga ibu bapa dan anak-anak. Dengan erti kata lain, komunikasi yang efektif tidak boleh menyelesaikan atau mengelak kebanyakan daripada permasalahan tersebut, bahkan masih terdapat beberapa masalah atau halangan yang dihadapi dalam komunikasi ini.

Antara masalah yang paling utama ialah bahasa. Salah satu daripada kebanyakan gangguan dan masalah-masalah komunikasi ialah dari segi bahasa, sebagai contoh perbezaan ‘slanga’ di antara ibu bapa dan anak-anak disebabkan kesukaran memahami percakapan dan dialek. Maka sebagai contoh ibu bapa harus menggunakan bahasa yang baik di hadapan anak-anak kerana anak-anak ini dicorakkan oleh ibu bapa untuk mendidik dan tidak menggunakan perkataan yang kesat seperti bahasa laknat. Sebagai contoh kejian, maki hamun atau carutan menggunakan perkataan buruk. Anak yang sering ditengking dan dimaki hamun biasanya menjadi orang yang keras jiwa.

Selain itu, latarbelakang juga merupakan masalah yang berkaitan. Seseengah orang yang gagal berkomunikasi kerana latarbelakang keluarga yang menyedihkan dan bermasalah. Rentetan daripada masalah latarbelakang yang bermasalah akan mewujudkan sikap yang negatif dan pasif terhadap individu itu sendiri. Misalnya, keadaan keluarga yang kucar-kacir dengan masalah cerai-berai dan keruntuhan rumah tangga yang berkemungkinan berpunca daripada ibu bapa itu sendiri. Contohnya, seseorang individu yang bermasalah akan mudah berasa sensitif terhadap persekitarannya sama ada elok atau sebaliknya. Khalid (2009) pula berpandangan bahawa terdapat ibu bapa mengasingkan anak-anak daripada perbincangan, tidak memberikan peluang kepada anak untuk mengutarakan pandangan mereka, tidak melatih anak remaja memberikan pandangan turut menghalang berlakunya komunikasi antara ibu bapa dan anak.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah perancangan umum yang ingin dilaksanakan bagi menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat untuk menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Penulisan ini menggunakan metode kajian kepustakaan berdasarkan bahan-bahan penulisan yang berkaitan. Bahan-bahan ini telah dianalisis secara deskriptif melalui buku-buku dan jurnal yang berkaitan.

## **DAPATAN KAJIAN**

### ***Kepentingan Dakwah Dan Komunikasi Interpersonal Antara Ibu bapa Dan Anak-Anak***

Dalam berkomunikasi, kelembutan dan kelunakan suara perlu dijaga supaya ia memberi kesan positif pada orang lain. Sama juga dengan ibu bapa perlu berkomunikasi yang baik dengan anak-anak kerana ia sangatlah penting dalam kehidupan supaya anak sentiasa menghormati ibu bapa apabila diberikan nasihat yang baik dan mudah untuk membawa anak-anak mereka kearah kebaikan. Ini adalah sebahagian daripada kepentingan komunikasi interpersonal. Peranan ibu bapa dalam pembentukan sahsiah anak-anak amat dititikberatkan bagi memastikan anak-anak mereka tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang tidak sihat (Safinah Ismail, 2018) . Ibu bapa hendaklah memainkan peranan yang sewajarnya dan mementingkan komunikasi dua hala yang baik dengan anak-anak mereka. Komunikasi efektif memerlukan seseorang menyatakan sesuatu dengan bahasa dan pendekatan yang dapat difahami oleh orang lain (Abidin, 2003)

Selain daripada itu, komunikasi interpersonal juga boleh dijadikan sebagai alat dalam membantu mengeratkan perhubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Perhubungan interpersonal yang baik akan dapat menghasilkan kehidupan yang lebih baik untuk ibu bapa dan anak-anak. Bagi mengecapi kehidupan yang harmoni dan mendapatkan perhubungan interpersonal yang baik, asas yang boleh dijadikan sebagai panduan ialah melayani orang lain sebagaimana diri sendiri ingin dilayani oleh orang lain. Ibu bapa juga perlu memastikan bahawa dirinya tidak memberikan layanan yang tidak wajar kepada anak-anak sebagaimana dirinya tidak mahu dilayan sedemikian rupa. Contohnya, ibu bapa perlu menghormati anak-anak agar mereka tidak tersinggung dengan apa yang diucapkan dan anak-anak akan mengikut segala percakapan ataupun ungkapan yang dikeluarkan. Ini memainkan peranan penting bagi menjamin keluarga yang kekal harmoni untuk dunia dan akhirat.

Seterusnya komunikasi dakwah interpersonal daripada dipraktikkan daripada akar umbi iaitu bermula usia anak-anak yang masih kecil. Menurut Nor Raudah Hj Siran ( 2006), ibu bapa berperanan untuk mendidik anak-anak menerusi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aspek-aspek tertentu seperti menerapkan matlamat pengajaran dan pembelajaran yang sesuai tahap umur dan pemikiran anak-anak. Justeru, ibu bapa perlu sentiasa memberikan contoh yang positif kepada anak-anak sebagai model untuk mereka ikuti sama ada dari sudut bahasa, perlakuan atau penonjolan afektif. Kemudian, kewujudan suasana kemesraan dalam sesebuah keluarga itu akan wujud serta merta antara ibu bapa dan anak-anak kerana sikap anak-anak mencerminkan ibu bapa di rumah.

### ***Ciri-Ciri Komunikasi Interpersonal Ibu Bapa Dan Anak-Anak***

Komunikasi berlaku secara bersemuka yang melibatkan dua orang individu atau lebih (sama ada ianya dalam bentuk kumpulan kecil mahupun besar). Sekiranya ia dilakukan secara bersemuka maka bagi memastikan komunikasi ini berjalan dengan lancar, hendaklah dijauhkan daripada sifat-sifat negatif yang boleh menimbulkan keretakan hubungan individu atau kumpulan tersebut. (Zulkefli Hj. Aini, 2016). Sehubungan dengan itu, komunikasi menghubungkan dengan hubungan kekeluargaan. Dengan adanya komunikasi, sesebuah keluarga dapat di dedahkan dengan sifat-sifat yang positif. Pembinaan kepercayaan seorang anak dalam menerima kasih sayang ibu bapa di sepanjang pengasuhan memerlukan hubungan interaksi yang berterusan. Sepanjang

perjalanan anak menuju ke alam dewasa biasanya boleh menimbulkan masalah yang tersendiri bagi setiap anak. Hubungan anak-ibu bapa yang tidak harmoni, pemaksaan kehendak dan kedudukan ibu bapa sebagai pemilik anak. Hal ini boleh menjerumuskan anak sebagai mangsa perlakuan ibu bapa. (Habibie Bte Hj Ibrahim, 2018)

Selain itu, ketika berkomunikasi, kedudukan jarak semasa berkomunikasi hendaklah rapat. Elemen ini sangat penting kerana ia memainkan peranan untuk membolehkan seseorang individu tersebut berinteraksi dengan individu yang lain. Tambahan pula, peluang untuk berinteraksi ketika kedudukan jarak lebih dekat adalah lebih terbuka berbanding interaksi yang lebih jauh dan sukar untuk mendapatkan maklumat. (Zulkefli Hj. Aini, 2016). Komunikasi interpersonal yang dimaksudkan dengan penelitian adalah proses pengiriman dan penerimaan pesanan serta tindakbalas. Dalam proses komunikasi antara hubungan seseorang individu bersama ahli keluarganya yang rapat, iaitu ibu bapa dan anak-anak yang tinggal jarak jauh akan melahirkan perasaan risau, bimbang dan sebagainya untuk bertanyakan khabar. Oleh sebab itu, mereka menggunakan media massa sebagai alat bantu dalam berkomunikasi. Hal ini dapat memudahkan lagi ibu bapa dan anak-anak untuk berkomunikasi antara satu sama lain walaupun berada dalam kedudukan jarak yang jauh. (Widianingsih, 2018)

Dalam pada itu juga, ketika berkomunikasi kedua pihak iaitu sumber dan penerima boleh memberi dan menerima maklumat. Hal demikian adalah kerana dilaksanakan secara bersemuka. Hubungan antara peribadi ini sangat luas skop dan sempadannya. Ia meliputi hubungan dalam keluarga dan masyarakat seluruhnya. (Zulkefli Hj. Aini, 2016) Komunikasi merangkumi dua orang individu atau lebih yang melakukan komunikasi secara verbal mahupun non verbal. Sebagaimana yang diketahui, keluarga merupakan salah satu aspek dalam kehidupan. Sekiranya komunikasi tersebut baik dan efektif, maka akan menimbulkan hal yang positif. Komunikasi yang baik antara anggota keluarga menjadikan hubungan tersebut dapat bekerjasama, saling mengingatkan dan saling menasihati antara satu sama lain. Oleh yang demikian, dapat meningkatkan keterbukaan dalam proses komunikasi bergantung kepada ibu bapa terhadap anaknya sehingga anak merasa selesa ketika meluahkan isi hatinya secara menyeluruh kepada ibu bapa. Setiap anak dengan ibu bapa perlu ada pendekatan antara satu sama lain, bahkan jika perlu hendaklah ada pada setiap waktu. (Widianingsih, 2018)

Dalam hal ini juga, al-Quran turut menjadi sumber panduan kepada manusia harus berhubung dengan anggota keluarga, kanak-kanak, golongan miskin dan sebagainya. Dalam berkomunikasi, manusia dituntut untuk bercakap benar, tepat ringkas dan bukan bercakap kepada perkara yang sia-sia. (Zulkefli Hj. Aini, 2016) Komunikasi interpersonal lebih efektif, dan penuh hikmah. Salah satu model daripada al-Quran tercermin dalam percakapan antara ayah dan anaknya yang sangat rapat dan baik, iaitu Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail di dalam surah As-Saffat ayat (37:102):

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۗ قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا  
تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

“Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Wahai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpiku bahwa aku menyembelihmu.

Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" lalu ia menjawab: "Wahai ayahku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; inshaAllah kamu akan mendapatiku termasuk

orang-orang yang sabar".

Ayat ini menceritakan tentang Nabi Ibrahim AS yang diperintahkan oleh Allah untuk menyembelih anaknya. Terdapat hikmah yang dapat diambil dari ayat ini, bahawa Nabi Ibrahim ketika berkomunikasi dengan anaknya, adalah tentang kehendak yang sudah jelas perintah daripada Allah. Namun begitu, beliau meminta pendapat dan menceritakan hal sebenarnya kepada Nabi Ismail, sehingga Nabi Ismail memahami dan mengikuti apa yang diperintahkan oleh Allah. Selain itu, dapat dilihat kasih sayang yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim penggunaan kata yang lemah lembut dengan menggunakan kalimat “يا بني” kepada anaknya Nabi Ismail. (Nur'Aeni, 2014)

### ***Aspek Penting Dakwah Melalui Komunikasi Interpersonal***

Dalam konteks dakwah komunikasi interpersonal dikenali sebagai *al-da`wah al-fardiyyah* atau dakwah perseorangan. Dakwah ini boleh berlangsung dalam keadaan yang terancang, teratur, ataupun spontan. Dalam sirah Rasulullah s.a.w pendekatan tersebut dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w sebagai utusan Allah S.W.T. iaitu melalui kisah ketika baginda menyampaikan dakwah secara sembunyi-sembunyi ketika baru memulakan dakwah semasa berada di Makkah. Baginda menggunakan pendekatan dakwah secara sembunyi ini selama tiga tahun dan telah berjaya menarik masuk anggota keluarga dan sahabatnya kepada agama Islam. (Zulkefli Hj. Aini, 2016)

Antara prinsip komunikasi Islam yang menjadi elemen penting adalah seperti berikut:

#### **1. Kebenaran**

Al-Quran menegaskan bahawasanya kebenaran merupakan pra-syarat untuk membangunkan masyarakat. Dalam usaha membawa kebenaran, Islam melarang hambanya daripada memperkatakan sesuatu yang sia-sia. Sia-sia termasuklah perkataan, perbuatan, perhatian dan perasaan yang sia-sia. Dengan itu, ibu bapa hendaklah menunjukkan contoh yang baik menghindarkan sesuatu perkara yang tidak relevan apabila berada dalam situasi bersama anak-anak. Komunikasi bersama anak-anak hendaklah mempunyai pengisian yang berfaedah yang boleh membawa manfaat bersama anak-anak. Sebagai contoh membicarakan hal pelajaran dan permasalahan anak-anak atau sebagainya. Sesuai dengan firman Allah di dalam surah Al-Mukminun:

(٤) لِلزَّكَاةِ فَاعْلَمُوا هُمُ الَّذِينَ (٣) وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ (٢) خَشِعُوا صَلَاتِهِمْ فِي هُمُ الَّذِينَ (١) قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ

“Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman (1) (yaitu) orang-orang yang khusyu' dalam solatnya (2) Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna (3) Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4)”

#### **2. Menunaikan perkara yang diperkatakan**

Pendakwah perlu menjadi *role model* kepada sasaran dengan mempersiapkan diri dengan asas yang kukuh dalam kandungan penyampaian dakwah sebagai usaha untuk memberikan pemikiran dan pandangan semasa bagi sesuatu isu. Pendakwah juga perlu melakukan terlebih dahulu perkara yang diperkatakan sebelum menyampaikan pengisiannya kepada orang lain. Hal ini boleh

dikaitkan dengan hubungan ibu bapa yang mengajar kepada anak-anak tentang apa yang pernah dipelajari berdasarkan pengalaman. Ibu bapa haruslah menerapkan nilai murni dalam komunikasi bersama anak-anak. Hal ini boleh menambahkan lagi ilmu dan pengalaman kepada anak-anak berdasarkan apa yang telah dikongsikan oleh ibu bapa.

### 3. Gaya bahasa yang indah

Penggunaan gaya bahasa yang indah dan menarik mampu menarik minat sasaran menerima sesuatu dakwah. Kebijaksanaan pendakwah dalam menggunakan gaya bahasa dapat mendekatkan masyarakat kepada perubahan daripada faktor-faktor keruntuhan. Dalam hal ini juga, metod penggunaan bahasa yang digunakan oleh ibu bapa kepada anak-anak haruslah ditapis terlebih dahulu sebelum digunakan kerana bahasa yang kesat boleh merosakkan hubungan keluarga bersama anak-anak. Dengan menjadikan penggunaan bahasa yang baik, mereka akan jadi lebih positif dan saling hormat menghormati antara yang tua mahupun yang muda. Sabda Rasulullah s.a.w:

“Telah diceritakan kepada kami Muhammad Ibnu Bashir, berkata telah dikabarkan kepada kami Yahya Ibnu Said berkata dan diceritakan kepada kami Shua’ibah katanya telah dikhabarkan kepadaku Abu Attayyah daripada Anas Ibnu Malik: Sabda Rasulullah sallallah ‘alai wa sallam: Perudahkan dan jangan menyusahkan dan khabarkan berita gembira dan janganlah menakut-nakutkan”

### 4. Kekerasan dan kelembutan

Para pendakwah perlu bijak menggunakan prinsip kekerasan dan kelembutan dalam penyampaian. Kesilapan dalam menggunakan dua unsur penting ini menyebabkan usaha dakwah sukar mencapai objektifnya. Menggunakan kekerasan yang tidak bersesuaian pada tempat dan waktunya kadangkala menyebabkan sasaran terus melakukan kejahatan dan mempertahankan kesilapan. Kekerasan perlu tetapi hendaklah kena pada masa dan tempatnya. Ibu bapa yang bijak tidak akan melakukan kekerasan kepada anak-anak untuk mengajar. Kelembutan dalam berdakwah pula dapat membuka hati sasaran untuk berubah dan membuat kebaikan. Begitu juga dalam hubungan dalam keluarga, anak-anak perlu dididik dengan baik dan lemah lembut. Hal ini dapat menjadikan anak-anak lebih terkesan dan mengajak kepada amar makruf dan juga nahi munkar. Perkataan yang lemah lembut mampu merangsang, mempermudah dan menanam kesukaan dalam hubungan sesama keluarga. Firman Allah dalam Surah Taha ayat 43-44:

اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ (٤٣) فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لِّعَلَّهٖ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ (44)

Maksudnya: “Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya (43) "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut". (44) (Al Quran Karim )

### 5. Keterbukaan

Islam menghubungkan jalinan sesebuah kekeluargaan melalui sifat terbuka dan menerima pendapat antara satu sama lain. Komunikasi mampu menggambarkan apa yang berlaku dalam keluarga dan juga sejauhmana eratnya tahap perhubungan sesebuah keluarga. Keluarga yang mengamalkan komunikasi orientasi perbualan lebih bersikap terbuka dengan anak-anak dan lebih kerap berkomunikasi di antara satu sama lain. Bentuk komunikasi tersebut menunjukkan adanya

perbincangan di antara ahli keluarga, keputusan dibincangkan bersama dengan mengambil kira pandangan dan pendapat ahli keluarga. Anak-anak juga digalakkan untuk meluahkan idea dan menyatakan emosi dan menjadikan komunikasi sebagai rutin harian yang menyeronokkan serta dapat menguatkan ikatan kekeluargaan. (Yusoof, 2011)

Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak pada zaman kini adalah pelbagai (Yahaya, 2008). Ini termasuklah peranan dalam membentuk disiplin dan peribadi anak-anak. Dengan itu, masalah seperti tidak menghormati orang tua, lari dari rumah dan seumpama dengannya dapat dicegah apabila ibu bapa bijak dalam membentuk anak-anak mereka dengan penerapan nilai-nilai Islam yang murni sejak kecil. Oleh itu, komunikasi interpersonal adalah kaedah yang terbaik yang boleh digunakan dalam mendidik anak-anak di era ini. Menurut Yahaya (2008), kecuaiannya ibu bapa untuk memahami peranannya yang sebenar menjadikan anak-anak hilang panduan dan keliru dalam menjalani hidupnya. Ibu bapa perlu mendengar dan mempertimbangkan kehendak dan kemahuan di dalam penjagaan serta perlindungan kanak-kanak remaja mengikut perspektif kanak-kanak remaja itu sendiri.

## **KESIMPULAN**

Komunikasi interpersonal merupakan dakwah fadhiah ibu bapa terhadap anak-anaknya dan membantu mengeratkan perhubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memberi contoh yang positif kepada anak-anak sebagai model untuk mereka ikuti sama ada dari sudut bahasa, perlakuan atau penonjolan afektif. Antara ciri komunikasi adalah secara bersemuka, kedudukan jarak semasa berkomunikasi hendaklah rapat, berlaku secara *verbal* dan *non verbal*, bercakap benar, tepat ringkas dan bukan bercakap kepada perkara yang sia-sia. Di samping itu, aspek penting dakwah melalui komunikasi interpersonal adalah kebenaran, menunaikan perkara yang diperkatakan, gaya bahasa yang indah, kekerasan dan kelembutan dan keterbukaan. Diharapkan artikel ini dapat memberi ilmu berkenaan dakwah dan komunikasi interpersonal khususnya kepada ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak.

## **RUJUKAN**

- Al Quran Karim . (n.d.).  
Abidin, D. Z. ( 2003). Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden. Batu Caves, Selangor : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. .  
Habibie Bte Hj Ibrahim, M. M. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal (ASWJ)*, 18 - 24.  
Hassan, P. A. (2001). Komunikasi Untuk Pendakwah Panduan Mengubah Sikap Dan Tingkah Laku. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.  
Jellani. (2019). Pengaruh Komunikasi Interpersonal Orang Tua Dengan Anak Terhadap Pelaksanaan Ibadah Shalat Di Kelurahan Tanjung Medan Kecamatan Cerenti Kabupaten Kuantan Singingi.  
Nor Roudah Hj. Siren, Y. M. ( 2006). Dakwah Islam Semasa : Konsep Dan Pelaksanaan. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. .



- Nur'Aeni, U. (2014). Komunikasi Interpersonal dalam Al-Quran. Jurusan Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir fakultas Ushuluddin Dan Pemikiran Islam universitas Islam Negeri Sunan Kalijagayogyakarta, 2-3.
- Safinah Ismail, N. M. (2018). Kaedah Komunikasi Ibu Bapa Terhadap Anak Agar Cinta Masjid. 125.
- Shukor, A. (2016). Tanggungjawab ibu bapa dalam melindungi kanak-kanak menurut undang-undang malaysia. *malaysia journal of syariah and law*, 1-10.
- Thorne. (1987). *journal of personality and social psychology* 53(4). the press of personality: A study of conversation between introverts and extraverts, 718-726.
- Unknown. (n.d.). Studentsrepo.um. Retrieved from Tesis\_Kulit\_Tebal: [http://studentsrepo.um.edu.my/5017/24/Tesis\\_Kulit\\_Tebal.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5017/24/Tesis_Kulit_Tebal.pdf)
- Widianingsih, P. (2018). *Journal Komunikasi Ibu Bapa Dan Anak-Anak*. Retrieved from <http://eprints.mercubuana-yogya.ac.id/4162/2/BAB%20I.pdf>
- Yaacob, h. f. (2001). Prinsip dan proses. In H. F. Yaacob, *Komunikasi Antara Manusia* (pp. 2-3). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya. (2008). sejarah sikap pemeliharaan kanak-kanak. Retrieved from <https://eprints.utm.my/id/eprint/6032/1/bukukeluarga.pdf>
- Yusoof, C. H. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3 (2), 45-62.
- Zulkefli Hj. Aini, S. H. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpipinan FPI (UKM).